

Teresa Kok wakil DAP perang jenayah
Malaysian Insider
Aug 15 , 2013
OLEH Elizabeth Zachariah

Baru sahaja dua hari dilantik sebagai Ketua Pasukan Bertindak Terhadap Jenayah (CAT), Teresa Kok (gambar) sudah menggariskan rancangannya untuk menangani situasi jenayah semasa dalam negara, dengan memberi fokus kepada beberapa reformasi terhadap pasukan polis.

Kok, yang juga naib presiden DAP, dilantik pada Isnin lalu selepas parti itu mendapati keperluan untuk menubuhkan jawatankuasa kerja kecemasan untuk membincangkan mengenai situasi jenayah di negara yang membimbangkan dan dikatakan kini hampir bertukar menjadi krisis.

Ahli parlimen Seputeh itu mendedahkan bahawa pasukan kerja itu akan mendapatkan pelbagai pihak berkepentingan untuk membincangkan mengenai `polisi, sikap dan strategi untuk memerangi jenayah`.

"Kita akan mengadakan perbincangan dengan pemimpin kerajaan, polis, pembuat undang-undang kanan dan organisasi bukan kerajaan," katanya kepada The Malaysian Insider.

Semalam, Setiausaha Agung DAP, Lim Guan Eng mengumumkan bahawa CAT akan serta merta meminta peningkatan anggota dalam Jabatan Siasatan Jenayah polis daripada 10,1500 atau sembilan peratus daripada jumlah 112,583 kepada 56,000 anggota atau 50 peratus.

"Ini bagi memastikan keselamatan orang awam di jalanan secara serta merta. Polis perlu fokus sepenuhnya terhadap tugas utama mereka iaitu memerangi jenayah," katanya.

Kok berkata, beliau mahu ambil tahu mengenai amalan semasa polis, contohnya bagaimana mereka meletakkan keutamaan kepada kes jenayah untuk diambil tindakan dan sebagainya.

"Rancangan jangka pendek saya ialah memanggil mesyuarat meja bulat dengan semua pihak terbabit untuk berbincang mengenai isu penting.

"CAT juga akan menganjurkan seminar dan forum mengenai pencegahan jenayah," katanya.

DAP mengambil keputusan untuk menubuhkan pasukan itu selepas berlaku tiga kejadian tembak dilaporkan di Pulau Pinang, dalam tempoh 48 jam.

Bekas banduan, K Veerappan, 37, ditembak mati kira-kira jam 11.15 pagi dalam keretanya di persimpangan lampu isyarat di Jalan Anson pada 8 Ogos.

Terdahulu pada hari sama, seorang penembak yang tidak dikenal pasti menyembur peluru di bangle di sepanjang Jalan Utama, memecahkan tingkap tetapi tiada sesiapa cedera.

Keesokan harinya, seorang bouncer kelab malam berusia 43 tahun ditembak tujuh kali di luar kelab di Datuk Keramat. Mangsa selamat apabila hanya satu peluru terkena di paha

kirinya.

Sejak Mei, lebih 35 kejadian tembak berlaku di seluruh negara membabitkan kehilangan kira-kira 24 nyawa.

Lim, yang juga Ketua Menteri Pulau Pinang, berkata kerajaan negeri bersedia untuk mengumpul sumber untuk bekerjasama dengan polis memerangi jenayah.

Dilaporkan, kerajaan negeri giat memasang kamera litar tertutup (CCTV) bagi membantu tenaga manusia dengan teknologi bagi mengurangkan jenayah di samping menggalakkan pembentukan Pasukan Ronda Sukarela.

Beliau juga mengkritik Kementerian Dalam Negeri yang gagal mengambil tindakan dan terus-terusan meletakkan kesalahan kepada pemansuhan Akta Ordinan Darurat (EO).

Kata Lim, mewujudkan semula undang-undang seperti EO tidak menyelesaikan isu jenayah kerana apa yang diperlukan ialah peningkatkan jumlah kehadiran polis di jalanan selain menambah sumber manusia dalam pasukan polis. – 15 Ogos, 2013.

Hakcipta © 2013 The Malaysian Insider

Source:

<http://www.themalaysianinsider.com/bahasa/article/teresa-kok-wakil-dap-perangi-jenayah>